

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HGF 121 - Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **LAPAN** [8] SOALAN DI DALAM **DUA** [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan. **DUA** (2) soalan dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A

- 1 Huraikan faktor-faktor yang menentukan jumlah penerimaan tenaga matahari di permukaan bumi.

[25 markah]

2. Huraikan bagaimana sistem Angin Monsun mempengaruhi unsur-unsur iklim dan hidrologi di Malaysia.

[25 markah]

3. Bincangkan bagaimana pembalakan melampau menjejaskan aliran tenaga di dalam sesebuah ekosistem hutan.

[25 markah]

4. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan bagaimana tumbuh-tumbuhan xerofit dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran kering dan panas.

[25 markah]

BAHAGIAN B

5. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu di kawasan tropika lembap, huraikan proses-proses luluhawa kimia.

[25 markah]

6. Manusia adalah penggiat utama dan memainkan peranan penting mengubah pandang darat fizikal. Huraikan dengan memberikan beberapa contoh yang sesuai.

[25 markah]

7. Bincangkan proses-proses dan bentuk muka bumi akibat hakisan pinggir laut.

[25 markah]

8. Huraikan kesan pembinaan empangan ke atas sistem fluvial.

[25 markah]